

09/04/2001

Nasib bahasa Melayu pada era global

AF Yassin

PADA wawancara khas M Noor Azam dan saya bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 30 Jun 1981, ada pandangan menarik beliau mengenai bahasa. Ketika itu Dr Mahathir memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Pandangannya pragmatik kerana beliau seluruh dunia hari ini mengakui pentingnya bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan.

Katanya, atas dasar itu kita pentingkan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan tidak ada tujuan lain. Untuk kemudahan saja sebagai bahasa bersama antarabangsa. Inikah lebih pragmatik.

Bahasa yang digunakan Dr Mahathir mudah difahami. Tidak tahulah kalau ada yang sengaja tidak mahu faham, terutama maksud tersirat pemimpin kerajaan yang sekarang menjadi Perdana Menteri. Yang menariknya selepas hampir 20 tahun Dr Mahathir mengutarakan pandangannya mengenai bahasa Inggeris, timbul resah dan bimbang pada golongan yang melihat perjuangan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa unggul di negara ini semakin dipersiapkan. Apakah ada pihak dalam pelaksanaan dasar bahasa yang digubal menyalahterjemahkan pandangan Dr Mahathir itu? Atau masih banyak dalang antibahasa Melayu yang sejak merdeka masih bercokol di menara kuasa?

Misalnya, Datuk Dr Hassan Ahmad, bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) walaupun secara eksplisit tidak menuduh sesiapa cuba memperlekehkan peranan bahasa Melayu, terutama pada era global ini, namun pandangannya di Johor Bahru 13 Mac lalu dan di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang pada 27 Mac lalu, menarik untuk dikaitkan.

Mesej daripada pandangannya itu seperti menjelaskan tanggapan umum ada tangan halus berusaha mengembalikan kedudukan bahasa Inggeris sehingga bahasa Melayu tergeser justeru melemahkan lagi nilai ekonominya.

Dr Hassan ketika menyampaikan pandangannya sempena Sidang Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia (Mabbim) dan Majlis Sastera Antarabangsa (Mastera) berkata, bahasa Melayu sebagai penjana tamadun ilmu di rantau berbahasa Melayu dari aspek sejarah dan kemungkinannya pada abad ke-21.

Buah fikir Dr Hassan jauh melangkah sempadan politik tetapi masih dalam ruang lingkup budaya serumpun Melayu. Dr Hassan melihat Indonesia dan Malaysia sebagai induk jati bahasa yang hari ini dibagi dua menjadi bahasa Melayu dan bahasa Indonesia yang awalnya adalah satu.

Dr Hassan bagaikan imam bahasa berkhutbah: "Ketahuilah, tidak ada bangsa di dunia ini yang tamadunnya dibina melalui bahasa asing, bahasa yang tidak difahami oleh bangsa itu." Dr Hassan yakin tamadun bangsa dibentuk melalui penciptaan budaya dan pencetusan akal budi manusia yang bersifat indijinus, yang mempunyai identitinya sendiri.

Katanya: "Walaupun pertembungan antara budaya atau tamadun yang berlainan sering berlaku dalam sejarah manusia, identiti dan jati diri sesuatu bangsa tetap kekal sekiranya pada bangsa itu wujud kekuatan dalaman atau alat tertentu yang mampu menilai, mencerna dan memilih, tidak hanya meniru dan menyerap, unsur terbaik daripada tamadun luar yang ditemuinya itu untuk memperkaya tamadun sendiri berdasarkan nilai dan acuan sendiri."

Pandangan Dr Hassan seperti melengkapi pandangan Dr Mahathir yang mahukan bahasa Inggeris diguna sebagai bahasa kedua. Ironinya mengapa bangsa Malaysia tidak memanfaatkan alat itu atau barangkali masih wujud agenda tertentu golongan yang salah terhemah pandangan Dr Mahathir dan dengan memiliki keazaman politik cuba memperlekeh kemampuan alat itu.

Dalam pada itu, Dr Hassan tidak tanggung-tanggung mendakwa dasar politik bahasa Inggeris di Tanah Melayu walaupun tidak berjaya menggantikan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris sebagai alat budaya bangsa Melayu, namun pengaruh dan citra bahasa Inggeris `nampaknya kekal dalam minda golongan elit Melayu berbahasa Inggeris selepas kemerdekaan'.

Bagi mereka bahasa Inggeris adalah bahasa kemajuan. Inggeris telah menerapkan nilai ini ke dalam jiwa golongan berkenaan melalui sistem pentadbiran, undang-undang, pendidikan dan ekonomi kapitalismenya. Dr Hassan kecewa akibat pencokolan mentaliti penjajah, maka segala usaha yang dilakukan sejak 43 tahun lalu untuk membina dan mengembangkan bahasa Melayu, misalnya ratusan ribu istilah ilmu diciptakan, nampaknya sia-sia saja.

Menurutnya, semua istilah yang dicipta itu tidak akan menjadi bahasa Melayu sebagai alat pembentuk kemajuan jika dasar budaya bahasanya tidak jelas dan tegas. Barangkali ramai yang lupa atau sengaja melupakan rantau Melayu identitinya bukan etnik tetapi budaya.

Seperti kata Dr Hassan: "Kita dikenal sebagai bangsa berbahasa Melayu-Indonesia. Inilah warisan tamadun bersama yang kita warisi sejak ratusan tahun dulu, dan kita jangan biarkan kuasa globalisasi yang digerakkan dari luar, misalnya melalui bahasa Inggeris, memusnahkan identiti ini, kerana jika identiti ini termusnah, kawasan kita tidak akan maju berdasarkan kepentingan kita, kehendak kita, acuan kita."

Dr Hassan seorang pemikir, tokoh bahasa yang kuasa eksekutifnya dalam bidang kebahasaan sudah lama dilepaskan. Dr Hassan kini sekadar mampu memberi pandangan yang sebernas mana sekalipun, tapi masih tidak mampu menterjemahkannya ke dalam bentuk tindakan.

Dr Hassan tidak punya semangat politik seperti Tun Syed Nasir. Sepatah kata seorang peserta seminar: "Andai Syed Nasir yang berucap di depan kita hari ini, saya rasa Dewan menjadi hingar-bingar."

Masih ingatkah peristiwa 3 Mac 1967 di Balai Budaya, DBP? Kira-kira 2000 peserta dari 120 pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan berhimpun tanda protes terhadap pindaan kepada Rang Undang-undang Bahasa Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan.

Usman Awang menulis setahun kemudian menghimbau peristiwa panas dan bersemangat itu. Antara lain tulis Usman: "Yahya Ismail, Pengerusi Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan dengan lantang menyebutkan penyelewengan yang dibuat Kerajaan Perikatan terhadap Fasal 152 dalam perlembagaan negara. Pengarah Dewan Bahasa waktu itu, Syed Nasir naik ke pentas. Beberapa patah saja ia berucap. Kerongkongnya tersekat. Beberapa titis air matanya mengalir."

Ucap Syed Nasir: "Saya menangis bukan kerana takut, tapi air mata ini lahir dari keharuan hati senubari saya mengenangkan nasib bangsa saya. Saya tak boleh buat dan bercakap apa-apa sekarang ini. Saya terikat. Pindaan itu dikatakan akan mengukuhkan lagi kedudukan bahasa Inggeris dan dengan itu melemahkan nilai ekonomi bahasa Melayu. Ada pula yang menuduh golongan tertentu lebih mengutamakan kepentingan ekonomi daripada kepentingan bahasa sehingga ada yang mendakwa pula mereka seperti mempertahankan kepentingan ekonomi penjajah."

Peristiwa 3 Mac 1967 adalah pernyataan sikap kebanyakan orang Melayu betapa pada zaman sebelumnya DBP bukan saja terpaksa berdepan dengan pegawai kolonial dan juga orang bukan Melayu yang antibahasa Melayu tetapi juga berperang dengan tokoh pemimpin dan pegawai tinggi serta cendekiawan Melayu berpendidikan Barat yang tidak mempunyai kepercayaan terhadap kesanggupan bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan. Kurang jelas apakah golongan ini masih dalam pentadbiran kerajaan dan pelaksana dasar? Yang membimbangkan sekarang ialah suara golongan ini masih wujud sehingga Dr Hassan mula `berkhutbah bahasa'.

Di UPM, Rabu lalu, antara lain Dr Hassan berkata: "Bangsa yang maju dalam dunia baru ini - dunia globalisasi - ialah bangsa yang mempunyai kesedaran kebangsaan atau kesedaran jati diri yang tinggi dan kuat untuk mencegah penjajahan globalisasi yang boleh memusnahkan kekuatan dalamannya, bangsa yang dapat membina daya saing berdasarkan ilmu, kecekapan dan pengalaman yang dikembangkan kepada seluruh bangsa dalam dan melalui bahasa yang difahami oleh seluruh anggota bangsa itu."

Dr Hassan melihat orang Melayu mempunyai dua alat ke arah itu, iaitu bahasa Melayu dan agama Islam. Tetapi kelihatannya sejak akhir-akhir ini wujud beberapa keadaan yang boleh melemahkan fungsi bahasa Melayu sebagai alat kemajuan orang Melayu. Misalnya kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan tinggi dan bahasa ilmu sudah tercabar oleh kewujudan hampir 600 institusi pengajian tinggi swasta yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Perkembangan seperti ini pasti mengurangkan nilai fungsional jati diri Melayu.

Sasterawan veteran Abdul Wahab Muhammad (84 tahun), lebih dikenali dengan Awam il-Sarkam atau Pak Awam, Khamis lalu mencurahkan bimbangannya mengenai kedudukan bahasa Melayu hari ini.

Katanya, semuanya bergantung kepada sikap kita. Yang baiknya kita perlu ada orang seperti Syed Nasir semula. Bukan seorang tetapi lebih ramai lagi. Tapi aku ini boleh cakap sahaja. Apa aku boleh buat. Dah tua. Tak ke kebun, tidur."

Baik Pak Awam, mahupun Dr Hassan punya sebab untuk bimbang. Keghairahan pelaksana dasar bahasa dengan salah tafsirannya mengenai pandangan pemimpin tertinggi kerajaan barangkali menjadi punca utama kebimbangan itu.

Bagaimanapun ada pula berpendapat, pandangan pemimpin bukan disalah tafsir tetapi punca yang ingin memartabatkan semula bahasa Inggeris. Sama ada mereka jahil sejarah atau sengaja mahu melupakannya bukan persoalan. Yang perlu sekarang ialah menambahkan lagi jumlah 600 pusat pengajian tinggi swasta sebanyak mungkin dan kalau perlu mengembalikan semula sistem persekolahan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Pandangan Dr Mahathir bahawa bahasa Inggeris digunakan hanya untuk kemudahan sebagai bahasa bersama antarabangsa dianggap mereka sebagai pemangkin kepada dasar memperlekeh kemampuan bahasa Melayu.

Khutbah bahasa Dr Hassan, di Johor Bahru atau di UPM adalah cara menghebahkan kepada umum bahawa sekilas ikan di air, Dr Hassan tahu jantan dan betinanya.

(END)